

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1419H/1998M  
Dewan Mukhtar, Pusat Islam  
Kuala Lumpur  
6 Julai 1998

**A**lhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita mengadakan majlis sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini. Selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. penghulu segala Rasul, pembawa rahmat seluruh alam.

Setiap tahun kita mengadakan majlis memperingati kelahiran Nabi Muhammad S.A.W. Ini adalah sebagai kenyataan akan kasih dan sanjungan kita terhadap Baginda serta perjuangan dan pengorbanan Baginda. Perjuangan Baginda tidak berhenti dengan wafatnya Baginda. Sebaliknya ia diteruskan oleh penganut agama Islam sehingga agama yang mulia ini dianuti oleh lebih satu bilion manusia di seluruh dunia sekarang ini. Dengan mengingati dan menyambut Maulidur Rasul, umat Islam sebenarnya memperbaharui azam untuk mengembangkan lagi agama yang diwahyukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Agama Islam yang dibawa dan dikembangkan oleh Rasulullah S.A.W. adalah *addin* atau cara hidup. Kesan cara hidup Islam yang jelas sekali ialah perubahan yang berlaku kepada kaum Arab Jahiliah. Daripada bangsa yang mempunyai budaya yang primitif, yang sanggup membunuh anak sendiri, yang menyimpan berpuluh isteri dan gundik, yang terlalu taksub dengan kabilah-kabilah mereka sehingga mereka tidak berhenti-henti berperang sesama sendiri, yang suka dipuji dan mempunyai sifat-sifat keji yang lain, Arab Jahiliah ini bertukar menjadi umat Islam yang bertamadun tinggi, yang berjaya menguasai berbagai-bagai ilmu dan dapat mendirikan sebuah empayar yang terbesar di dunia. Jelaslah cara hidup Islam boleh membawa kebahagiaan kepada penganutnya. Inilah yang harus kita ingati apabila kita menyambut Maulidur Rasul.

Tetapi sambutan sahaja tidak bermakna jika kita tidak gunakan hari berkenaan untuk merenung sejenak akan keadaan umat Islam di zaman ini. Kita dapati di mana-mana sahaja umat Islam tertindas. Di Bosnia, di Kosovo, di Iran dan Iraq, di beberapa buah negara di Asia dan Afrika umat Islam hidup merana, dibunuh dan dcedera dan dihalau dari wilayah mereka. Apakah ini yang dimaksudkan sebagai cara hidup Islam? Sudah tentu tidak.

Hari ini umat Islam tidak lagi mendahului manusia lain dalam bidang ilmu dan anika jenis kecekapan. Hari ini umat Islam lemah dan tidak berupaya mempertahankan diri. Hari ini umat Islam berpecah sehingga sanggup berperang sesama sendiri bahkan memihak kepada musuh-musuh Islam untuk melawan orang Islam lain. Sesetengah perbuatan orang Islam di zaman ini tidak banyak berbeza daripada kaum Jahiliah pra-Islam.

#### Tafsiran Berbeza

Dalam bidang agama, tafsiran yang berbeza-beza dibuat yang kerap kali dipengaruhi oleh kepentingan kaum atau puak atau parti. Dengan itu ajaran yang berjaya menukar Arab Jahiliah kepada yang bertamadun tinggi berubah sehingga kadangkala bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Inilah yang berlaku sedangkan Islam menyuruh umat Islam bersaudara. Ada orang Islam yang membunuh orang Islam lain kerana ajaran Islam yang berbeza dan lari daripada ajaran yang sebenar. Begitu juga, sedangkan umat Islam disuruh bersiap-sedia dengan peralatan untuk mempertahankan ummah, umat Islam mengabaikannya dan terpaksa bergantung kepada belas kasihan orang lain untuk mempertahankan diri. Senjata orang Islam pun dibekalkan oleh orang lain.

Jika hari ini kita umat Islam tidak lagi berjaya, bahkan kita ketinggalan zaman, lemah dan dijajah oleh orang lain, sebabnya ialah kerana kita tidak menjadikan Islam sebagai *addin*, sebagai cara hidup.

Apabila kita berkata bahawa kita tidak mengamalkan cara hidup Islam maka ramai yang akan berkata kita kurang membuat ibadat *ritual* tertentu. Mereka akan berkata kita akan hidup bahagia jika kita lebihkan amal ibadat tertentu ini. Mereka berkata amalan ibadat ini akan menentukan tempat kita di akhirat walaupun tidak di dunia. Dunia adalah untuk orang lain. Akhirat adalah untuk kita. Justeru itu, anggaplah usaha di dunia ini sebagai sekular, tidak Islam dan tolakkan semuanya.

Tetapi ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. tidak terhad kepada ibadat tertentu sahaja. Jika ia terhad kepada ibadat ini ia tidak boleh menjadi cara hidup. Apakah memadai jika umat Islam hanya tahu membuat ibadat sahaja dan menghabiskan sepanjang masa untuk amalan ibadat tertentu semata-mata? Apakah umat Islam dapat hidup sempurna jika tidak tahu bercucuk tanam, menternak, menangkap ikan, mengeluarkan bahan makanan secara besar-besaran untuk jumlah umat yang berjuta-juta? Apakah umat Islam tidak perlu menguasai dan mengembangkan ilmu perubatan dan kesihatan? Apakah umat Islam tidak perlu menguasai semua ilmu yang boleh menolong menyelamatkan dan mempertahankan umat Islam dan negara-negara Islam?

Dalam Al-Quran berkali-kali disebut berkenaan dengan alam sekeliling, bukit-bukau, awan dan hujan yang menyuburkan bumi. Tetapi jarang sekali ada alim ulama yang menjelaskan tentang perkara-perkara ini, seolah-olah ajaran Islam seperti yang terdapat dalam al-Quran ada yang penting dan ada yang boleh diketepikan. Tidak ada tekanan diberikan kepada perkara-perkara ini sepertimana yang diberi kepada hukum-hakam, soal seks serta wanita dan seumpamanya.

Oleh kerana cara hidup yang kita amalkan tidak Islam secara menyeluruh, sebaliknya terhad kepada perkara-perkara tertentu sahaja, maka kita tidak mencapai kebahagiaan hidup seperti yang sepatutnya bagi umat yang menganggap Islam sebagai *addin*, cara hidup. Keadaan kita sekarang jauh berbeza daripada umat Islam dalam beberapa abad awalan di mana mereka begitu berjaya sehingga dapat menguasai dunia bukan sahaja secara fizikal tetapi juga secara mental.

### Pegangan Tidak Menyeluruh

Pada hari kita menyambut Maulidur Rasul hendaklah kita mengingati diri kita betapa tidak menyeluruh pegangan kita kepada ajaran Islam. Jika hari ini kita tertekan, dihina dan dijajah secara langsung atau tidak langsung, sebabnya ialah kerana kita tidak menjadikan Islam sebagai cara hidup. Ramai daripada kita yang menganggap Islam sebagai bekalan untuk maut semata-mata, bekalan untuk akhirat. Yang malangnya ialah bekalan itu mungkin tidak mencukupi kerana kita telah meninggalkan sobahagian besar daripada ajaran Islam seperti yang terdapat dalam al-Quran. Apakah tempat kita di akhirat jika kita hanya mengamalkan separuh sahaja daripada ajaran Islam? Apakah kita tidak bersalah jika kita mengeneipkan, bahkan menolak bahagian kita di dunia sepertimana yang dituntut daripada kita?

Baginda Rasulullah tidak hanya membuat ibadat tertentu. Kita tahu bagaimana susahnya perjuangan Baginda untuk mengembangkan agama Islam. Allah Subhanahu wa Ta'ala boleh menjadikan sesuatu hanya dengan berkata 'jadi'. Sudah tentu Allah boleh menjayakan Nabi dengan tidak mengadakan berbagai-bagai cabaran bagi Nabi. Agama Islam boleh dijadikan agama bagi semua Arab Jahiliah dengan hanya dikata 'jadi' oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Tetapi sebaliknya Allah mengutuskan Nabi Muhammad S.A.W. dan menciptakan berbagai-bagai ujian dan halangan yang boleh menggagalkan usaha Nabi. Tetapi kita tahu bagaimana Nabi telah berusaha dengan tekun dan bijaksana, menghadapi segala cabaran sehinggalah Islam dapat dikembangkan. Nabi tidak hanya beribadat dan berdoa meminta pertolongan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Apakah umat Islam boleh berharap kita boleh berjaya tanpa usaha yang gigih yang tidak tahu kecewa? Sudah tentu tidak. Kita harus berusaha lebih daripada Nabi kerana kita bukan Nabi pilihan Allah S.W.T.

Jika pada hari kita menyambut Maulidur Rasul kita dapat memperingati diri kita akan perjuangan Nabi dan kita jadikan perjuangan ini sebagai teladan untuk cara hidup kita, maka perayaan ini akan menjadi lebih berguna dan bermakna. Tidak akan sia-sialah sambutan ini kepada kita dan kepada umat Islam amnya.

### Mendidik Manusia

Perutusan Baginda Rasulullah S.A.W. juga adalah untuk mendidik umat manusia supaya menjaga martabat insan sebagai makhluk yang sebaik-baiknya. Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak memberikan tanggungjawab untuk mentadbir alam ini selain kepada manusia. Kelebihan yang ada kepada manusia adalah daripada segi anugerah akalnya. Kepintaran akal manusia menjadi lebih bermutu apabila diturunkan wahyu dan diutuskan pula Rasul yang bijaksana. Kerana itu anugerah akal perlu dijaga dan dipelihara agar benar-benar dapat berfungsi sebagai nakhoda yang dapat melayari bahtera kehidupan yang luas. Sepanjang zaman manusia ini hidup, kejayaan dan kemajuan sentiasa berubah-ubah sesuai dengan perkembangan tamadun yang dicapai. Kemajuan demi kemajuan telah diciptakan, tetapi masih wujud penerokaan baru di dalam dunia sains dan teknologi. Dalam suasana keghairahan manusia berfikir dan sentiasa mencari penemuan baru, kita tidak boleh lupa untuk mencari suasana ketenangan sebagai langkah untuk mengelak daripada tekanan perasaan. Di sinilah umat Islam dikehendaki untuk meluangkan sedikit masa untuk

merendahkan diri dan menyembah Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melakukan ibadat tertentu. Ini tidak bermakna perbuatan lain yang mengikut ajaran Islam, mengembang dan mempertahankannya bukan ibadat dalam Islam. Tetapi ibadat sembahyang, puasa dan lain-lain tidak boleh diabaikan.

Islam mengajar kita untuk berlapang dada apabila menghadapi sesuatu kesusahan dan kesempitan. Tidak semua cita-cita dan impian akan dapat dicapai dalam sekelip mata. Tetapi usaha dan tekad mestilah diteruskan sehingga kejayaan dicapai. Suasana kegawatan ekonomi yang melanda negara kita sekarang ini telah mengajar kita untuk menginsafi diri untuk lebih bertenang dan bertindak secara positif dan berwawasan. Kita masih bersyukur kerana kegawatan yang berlaku tidaklah separah negara-negara lain yang ditimpa berbagai-bagai bala bencana seperti rusuhan, peperangan, bencana alam dan sebagainya. Sekurang-kurangnya kesusahan yang kita hadapi sekarang ini dapat menginsafkan diri kita terhadap kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berdoa kepadaNya agar segalanya dapat dipulihkan seperti sediakala.

Akhir kata marilah kita gunakan kesempatan untuk menyambut Maulidur Rasul ini dengan melipatgandakan usaha dan ikhtiar agar segala permasalahan dapat diselesaikan. Tanggungjawab kita bersama ialah untuk berdoa dan menghindarkan diri kita daripada sikap-sikap negatif seperti tamak haloba, rasuah, pecah amanah, hilang sabar dan sebagainya. Apa yang lebih penting adalah kita menggunakan peluang yang ada untuk terus mempertingkatkan daya kreativiti kita untuk memajukan agama, bangsa dan negara kita.



".....Kesan buruk rasuah akibat tindak tanduk para pemimpin dan pentadbir terhadap golongan kurang berada merupakan satu penindasan sosial. Jika ini dibiarkan berterusan maka ketidakadilan sosial boleh menggugat kestabilan negara daripada kemarahan rakyat terhadap pemerintah. Jika wujud pula pakatan jahat antara pentadbir atau anggota pentadbiran dengan para peniaga atau pengusaha yang tamak, kesannya ialah kos pentadbiran dan pembangunan akan melambung naik dan rakyat akan terpaksa memikul kos ini....."

PELANCARAN GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN DALAM  
SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA  
Ibu Pejabat BPR, Kuala Lumpur  
8 Januari 1998



".....Penguasaan teknologi dan kemampuan mewujudkan teknologi baru adalah penting untuk Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020. Keupayaan Malaysia untuk bersaing di pasaran dunia bergantung kepada kemampuan teknologinya. Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk membiayai program penyelidikan dan pembangunan atau R&D, khususnya di sektor awam, dan menyediakan berbagai-bagai insentif kepada sektor swasta untuk meningkatkan aktiviti R&D....."

**PERASMIAN 'MINT T ECH-PARK'  
INSTITUT PENYELIDIKAN TEKNOLOGI NUKLEAR MALAYSIA  
(MINT)  
Bangi, Selangor  
13 Januari 1998**




".....syarikat-syarikat tempatan harus bertindak dengan menguasai teknologi asing dengan cepat. Mereka juga perlu berusaha bukan sahaja memasang atau *assemble* barangan daripada komponen yang kebanyakannya diimport, tetapi mereka hendaklah mengeluarkan komponen buatan sendiri....."

PERASMIAN MASTERCentre  
TECHNOLOGY PARK  
MALAYSIA

Technology Park Malaysia,  
Kuala Lumpur  
24 February 1998

".....Sebenarnya tidak ada ekonomi dalam dunia ini yang boleh bangun jika nilai matawang diturunkan terlalu rendah dan terlalu cepat. Jika bersama dengan serangan ke atas matawang, pasaran saham juga diserang dan nilai saham dijatuhkan dengan teruknya, negara yang termaju sekali pun akan mengalami kemerosotan yang ketara....."

MAJLIS MAKAN MALAM KE-19  
PERSATUAN BANK-BANK  
SAUDAGAR DI MALAYSIA  
Hotel Istana, Kuala Lumpur  
7 November 1998





.....Jika Kerajaan berpendapat ajaran agama perlu diawasi secara rapi, sebabnya ialah kerana ada sahaja orang yang berani memeralatkan agama dan nama Allah untuk kepentingan diri. Bahawa cerita dan dakwaan yang dibuat oleh mereka boleh merosakkan akidah umat Islam tidak sedikit pun dihiraukan oleh mereka. Jika mereka begitu tidak takut membohong dan berdosa, sebabnya tentulah kerana pegangan mereka kepada agama adalah lemah. Dan mereka seperti ini kerap berselindung dengan topeng agama kerana mereka tahu penganut agama Islam walaupun cetek pengetahuan agama tetapi begitu kuat berpegang kepada agama sehingga apa sahaja yang dikaitkan dengan agama akan dipercayai oleh mereka.....!"

PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-41  
Stadium Kubu, Melaka  
27 Oktober 1998



.....Jika kita ingin menabung maka tabunglah dalam banksimpanan atau bank biasa atau Tabung Haji dan Bank Islam umpamanya. Tetapi jangan menyimpan duit dalam peti di rumah kerana duit itu tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada ekonomi kita. Duit yang disimpan di rumah tetap akan hilang nilainya kerana inflasi akan mengurangkan kuasabelinya....."

**PERASMIAN HARI PENGGUNA SEDUNIA 1998**

Dewan Muktamar, Pusat Islam,

Kuala Lumpur

6 November 1998



" . . . . . Pengeluar-pengeluar perabot perlu beralih dari kaedah pengeluaran *Original Equipment Manufacturer* kepada pengeluaran mengikut *Original Design Manufacture* atau "pengilangan rekabentuk asal" secara agresif dengan mengamalkan strategi seperti mencipta rekabentuk dan jenama yang tersendiri . . . . "

PERASMIAN PUSAT  
REKABENTUK PERABOT  
MALAYSIA (MFDC)  
Menara PGRM, Kuala Lumpur  
20 November 1998



".....Pentadbiran yang efisien dan teratur tetap menyumbang kepada kecekapan dalam meningkatkan keluaran dan eksport kita. Kelambatan atau kurang cekapnya khidmat Kerajaan akan menambah kos pengeluaran barangan untuk pasaran tempatan atau eksport. Sebaliknya jika khidmat diberi dengan pantas dan cekap, kos akan dapat dikurangkan dan kita semua akan menikmati harga yang murah dan inflasi yang rendah....."

MAJLIS KONVENSYEN CUEPACS KE 21  
Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur  
2 Disember 1998